

DATE: **28 JUNE 2016 (TUESDAY)**

MEDIA: **KOSMO – FOMEMA RAI ANAK-ANAK YATIM, PELAJAR TAHFIZ BERBUKA PUASA – PG. 06**

## Fomema rai anak-anak yatim, pelajar tahfiz berbuka puasa

**KEBERKATAN.** Seramai 60 orang anak-anak yatim dan pelajar tahfiz daripada Rumah Kasih Nurul Hasanah diraikan pada Majlis Berbuka Puasa Ramadan Mubarak anjuran Unitab Medic Sdn. Bhd. (Fomema) yang diadakan di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada majlis itu, mereka turut menerima sumbangan duit raya daripada Pengerusi Fomema, Tengku Arif Bendahara Pahang, Tengku Tan Sri Abdullah Sultan Abu Bakar.

Presiden Fomema, Datuk Mohd. Hatar Ismail berkata, majlis tersebut dianjurkan untuk

berkongsi kegembiraan dan memberi bantuan kepada anak-anak yang kurang bernasib baik sempena bulan mulia ini.

"Golongan ini memerlukan kasih sayang dan perhatian daripada kita. Semoga penganjuran majlis ini dapat memberi suasana yang lebih meriah kepada mereka terutamanya sewaktu menjelang Aidilfitri kelak.

"Saya berharap agar majlis seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan dalam membawa sinar kegembiraan kepada golongan kurang bernasib baik," ujarnya.



**TENGGU** Bendahara Pahang (berdiri, dua dari kanan) menyampaikan duit raya kepada anak-anak yatim dan pelajar tahfiz pada majlis berbuka puasa di Kuala Lumpur baru-baru ini. Hadir sama Mohd. Hatar (berdiri, kanan).